

24 DEC 2001

MCA-Lim

KRISIS TIDAK AKAN BERLAKU JIKA DR LING DENGAR NASIHAT PM, KATA LIM

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek berkata hari ini bahawa parti itu tidak akan dilanda krisis jika Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mendengar nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lim berkata Dr Mahathir dalam mesyuarat terakhir Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) telah menasihatkan semua pemimpin BN bahawa beliau mahu melihat semua parti komponen menyelesaikan masalah dalaman masing-masing dengan baik.

"Malah Dr Mahathir berkata yang menang tidak sepatutnya menang semua dan yang kalah tidak patut kalah semua.

"Walaupun beliau tidak merujuk kepada sesiapa, ia dengan jelas merujuk kepada MCA yang terpaksa menyelesaikan masalah dalaman dengan baik," kata beliau ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir malam tadi ketika ditanya pemberita mengenai krisis dalam MCA dan keputusan menggantung jawatankuasa pusat Pemuda yang diketuai oleh Ong.

Dr Mahathir menyebut bahawa kedua-dua pihak nampak seperti enggan berkompromi dan berpendapat ada ketikanya seorang itu terpaksa bertolak ansur dan melupakan harga diri.

Lim, yang mengalu-alukan nasihat Dr Mahathir dan menyifatkannya sebagai kena pada masanya berkata jika Dr Ling mendengar nasihat Dr Mahathir pada mesyuarat BN yang lepas, beliau tidak akan menyingkirkan Datuk Chua Jui Meng sebagai ketua perhubungan MCA Kedah.

"Malah jika beliau mahu melantik orang lain mengetuai MCA Kedah, beliau masih boleh melantik Chua sebagai timbalan pengerusi MCA Johor apabila Datuk Ong Ka Ting memutuskan tidak mahu dilantik semula ke jawatan itu," kata beliau.

-- BERNAMA

AT RZS ZB